

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

15 AUG TINGKATKAN TAHAP PENDIDIKAN NEGARA-NEGARA ASIA MELALUI PENYELIDIKAN



USM, PULAU PINANG, 15 Ogos 2017 – Pusat Pengajian Sains Kajihayat, Universiti Sains Malaysia (USM) baru-baru ini telah menganjurkan program International Symposium in Science and Technology (ISST) 2017 untuk kali ke-12 di sini.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USM, Profesor Dato' Dr. Muhamad Jantan yang telah merasmikan simposium tersebut berkata, sebagai sebuah universiti penyelidikan, USM komited untuk terus menyediakan pendidikan yang berkualiti, latihan dan inovasi serta penyelidikan bertaraf dunia.



"ISST menyediakan platform bagi para penyelidik, pensyarah dan pelajar untuk berkongsi hasil penyelidikan dan peluang mereka dalam mencari penyelesaian yang berpotensi dan memperkuuh hubungan yang telah dijalankan sejak dahulu," kata Timbalan Dekan (Penyelidikan, Siswazah dan Jaringan) Pusat Pengajian Sains Kajihayat, Profesor Madya Dr. Yahya Mat Arip, yang juga Pengurus ISST 2017.

Simposium ini mempamerkan kolaborasi dan kerjasama pelbagai disiplin yang berterusan di antara para peserta dari beberapa universiti yang terlibat, selain penglibatan USM melalui Pusat Pengajian Sains Kimia, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia dan Pusat Pengajian Sains Komputer.

Simposium tahun ini turut mendapat penyertaan universiti dari negara-negara Asia seperti Kansai University (Jepun), Cheng Shiu University dan Chuan Yuan Christian University (Taiwan) serta Chulalongkorn University dan Thammasat University (Thailand).



"Kita berharap pada simposium seterusnya yang bakal diadakan di negara Taiwan, lebih banyak program akan dilaksanakan, dengan inisiatif yang baharu dan memenuhi kemahiran yang berbeza," kata Naib Presiden yang juga Dekan Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Kansai University, Profesor Dr. Yutaka Maeda.



Turut hadir, Dekan Pusat Pengajian Sains Kajihayat USM, Profesor Dr. Amirul Al-Ashraf Abdullah dan Timbalan Dekan Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa, Cheng Shiu University, Profesor Dr. Wu-Te Ko.

Teks: Mazlan Hanafi Basharudin



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015